

OBJEKTIF

- Menggalakkan masyarakat menjalankan kajian penyelidikan dan penulisan berkaitan dengan tokoh Perdana Menteri Malaysia
- Menggalakkan penyelidik menggunakan bahan primer dalam menjalankan kajian penyelidikan dan penulisan
- Menimbulkan kesedaran kepada masyarakat dengan mengkaji, menulis dan menghargai sumbangan tokoh Perdana Menteri dalam sejarah negara
- Memperbanyakkan kajian dan penyelidikan yang bermutu berkaitan dengan tokoh Perdana Menteri
- Mendokumentasi hasil kajian penyelidikan dan penulisan

PENYERTAAN

Penyertaan dibahagikan kepada 3 kategori

- A. Menengah Rendah
[Perseorangan atau Kumpulan]
- B. Menengah Atas/Tingkatan 6/ Kolej Vokasional/ Matrikulasi
[Perseorangan atau Kumpulan]
- C. Institusi Pengajian Tinggi (IPT)/ Institusi Guru (IPG)/ Orang awam
[Perseorangan sahaja]

*Setiap kumpulan **TIDAK BOLEH** melebihi 3 orang

ASPEK ESEI

KATEGORI PERINGKAT MENENGAH RENDAH, MENENGAH ATAS/ TINGKATAN VI/ MATRIKULASI/ KOLEJ VOKASIONAL, DAN UNIVERSITI/INSTITUSI PENDIDIKAN GURU DAN ORANG AWAM

Anda diminta menulis esei berkaitan dengan sumbangan salah seorang Tokoh Perdana Menteri Malaysia yang ada hubungkait dengan mana-mana satu bidang berikut-

- Politik dan Pentadbiran
- Ekonomi
- Sosial
- Antarabangsa

PANDUAN DAN MAKLUMAT AM

A. SYARAT PENYERTAAN (RUJUKAN BAGI SEMUA KATEGORI)

- Karya hendaklah ditulis dalam **BAHASA MELAYU**
- Panjang setiap karya adalah seperti berikut:-

Menengah Rendah
[1500-3000 Patah Perkataan]

Menengah Atas/ Tingkatan 6/ Kolej Vokasional/Matrikulasi
[4000-6000 Patah Perkataan]

IPT/IPG/Peserta awam
[6000-8000 Patah Perkataan]

*Sila ambil perhatian bahawa nota hujung, nota kaki, bibliografi, apendik/ lampiran tidak diambil kira dalam jumlah bilangan patah perkataan

- Karya mestilah hasil kajian atau penyelidikan asal. Sumber rujukan hendaklah berdasarkan dokumen, lisan dan artifak. Rujukan laman web mesti dinyatakan secara terperinci.

- Setiap karya perlu mengandungi **bibliografi**.

Contoh: Omar Mohd Hashim, Sejarah dan Masyarakat Mengimbu Masa Lalu, Memacu Masa Depan, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2013.

- Setiap kutipan atau petikan mesti dinyatakan sumber rujukan di Nota Kaki atau Nota Hujung

Contoh: 1. Mohd Arof Ishak, "Siri Sembang-Sembang Sejarah, Wawasan Merdeka: Dilema dan Hati Budi Orang Melayu" Warkah PSM, Julai-September 2009, 8.

- Semua penulisan mestilah memberi perhatian penting terhadap **aspek pensejarahan seperti perkembangan mengikut kronologi**.

- Peserta tidak dibenarkan menulis nama atau sebarang pengenalan diri pada karya yang dikemukakan. **Maklumat berkenaan hendaklah ditulis dalam borang penyertaan sahaja**.

- Karya yang pernah menyertai pertandingan atau pernah diterbitkan atau dalam proses penerbitan, atau telah/akan digunakan untuk penilaian peperiksaan, latihan ilmiah dan tesis tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.

- Semua naskah karya tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik Arkib Negara Malaysia dan Persatuan Sejarah Malaysia (PSM). Pihak ANM dan PSM berhak menyunting karya yang hendak diterbitkan.

- Keputusan panel hakim adalah **MUKTAMAD**.

TARIKH TUTUP PERTANDINGAN

Tarikh tutup pertandingan adalah pada 16 September 2021.

B. FORMAT KARANGAN

- Peserta dinasihatkan menaip karya dengan jarak DUA (2) BARIIS menggunakan sebelah muka kertas putih saiz A4 (29.5 sm x 21 sm), dikosongkan ruang tepi kertas pada sebelah kiri dan kanan dengan jarak 2.5 sm. Karya hendaklah bertaip komputer menggunakan tulisan "Arial/ Times New Roman saiz 12".

- Karya hendaklah ditaip dengan kemas, muka surat dicatat, tanpa menggunakan "WordArt" dan hiasan yang keterlaluan.

- Karya yang dihantar melalui pos hendaklah dikotot/ dilekatkan dengan kemas supaya tidak tercicir. Manakala karya yang dihantar secara atas talian format dokumen hendaklah dalam bentuk PDF.

- Jumlah perkataan dan tarikh penulisan karya perlu dicatatkan pada muka surat terakhir karya.

C. KRITERIA PENILAIAN

Karya yang layak dipertandingkan akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:

- Karya mestilah idea asli dan penulisan baru.
- Karya ditulis secara berfokus kepada tema dan tajuk yang dipilih. Isi karangan mestilah menepati tajuk esei.
- Isi karya dibina berdasarkan sintesis maklumat dari sumber primer dan sekunder.
- Setiap isi dikupas secara analisis, logikal dan tersusun.
- Isi karya dan analisis disampaikan melalui persembahan yang teratur dari segi hujahan, gaya bahasa, peralihan perenggan yang jelas, diksi dan tatabahasa yang baik.
- Struktur penulisan tidak dipecahkan kepada Bab tetapi cukup sekadar Tajuk Kecil sahaja.

- Karya memperlihatkan teknik dokumentasi sumber yang tersusun. Setiap kutipan petikan dan maklumat yang digunakan dalam karya diberikan catatan nota kaki yang betul.

- Karya menyediakan senarai bibliografi yang lengkap dan juga pelbagai sumber maklumat lain seperti sumber lisan.

- Berdasarkan di atas, penilaian akan memberikan pertimbangan kepada:

- Isi kandungan dan penyelidikan
- Persembahan dan struktur
- Tafsiran dan analisis
- Rujukan dan bibliografi

D. HADIAH

Kategori	Peringkat Menengah Rendah	Peringkat Menengah Atas, Tingkatan VI/ Kolej Vokasional / Matrikulasi	Universiti/ IPG/ Orang Awam
Pertama	RM2000	RM2500	RM3000
Kedua	RM1500	RM 2000	RM2500
Ketiga	RM1000	RM1500	RM2000

E. HADIAH SAGUHATI

Selain hadiah bagi tempat pertama, kedua dan ketiga, sebanyak 12 hadiah saguhati bernilai RM200 setiap kategori akan disediakan bagi penyertaan yang tidak mendapat tempat pertama, kedua, ketiga tetapi memamparkan mutu karangan yang layak mengikut panel hakim pertandingan.

F. GURU/ PENSARAH PEMBIMBING

Guru/Pensyarah Pembimbing kepada peserta akan diberi sijil penyertaan.

BORANG PENYERTAAN

Kategori: A: B: C:

Judul karya:

Nama:

No. K/P:

Tarikh Lahir:

Tingkatan (Sekolah)/ Tahun Pengajian IPT:

Kursus IPT:

Alamat Sekolah/ Institusi:

Alamat Rumah:

Telefon: E-mel:

Pekerjaan:

(PESERTA KEDUA)

Nama:

No. K/P:

Tarikh Lahir:

Telefon: E-mel:

Alamat Rumah:

(PESERTA KETIGA)

Nama:

No. K/P:

Tarikh Lahir:

Telefon: E-mel:

Alamat Rumah:

SENARAI SEMAKAN

Pastikan butiran di bawah DITANDA (✓)

- Setiap halaman dicatat nombor muka suratnya (Rujuk Format karangan- 2)
- Jumlah bilangan perkataan dicatat pada muka surat akhir (Rujuk Format karangan-4)
- Ada disertakan bibliografi (Rujuk Syarat Penyertaan- 4)
- Petikan/ Kutipan dinyatakan dalam Nota kaki/ Nota Hujung (Rujuk Syarat Penyertaan- 5)
- Tiada pengenalan Diri pada Karya (Rujuk Syarat Penyertaan-7)
- Karya Berkumpulan terdiri daripada 3 (Tiga) orang sahaja (Kategori Menengah Rendah, Menengah Atas, Tingkatan 6, Kolej Vokasional, dan Matrikulasi)

PENGESAHAN

Dengan ini disahkan bahawa karya yang dikemukakan bersama-sama ini adalah karangan asli dan mematuhi Syarat Penyertaan Pertandingan Menulis Esei Sejarah Malaysia 2021: Tokoh Perdana Menteri Malaysia.

Tandatangan Penulis:

Tarikh:

Dengan ini saya mengesahkan pernyataan di atas telah disemak serta mengambil tindakan sewajarnya terhadap Senarai Semakan berkenaan.

Disahkan oleh:

(Guru/ Pensyarah Pembimbing/
Ketua Jabatan)

*Wajib bagi Kategori A dan Kategori B. Bagi Kategori C sekiranya ada.

Tandatangan:

Nama:

Tarikh:



Bangunan Residen di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra,
Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur.

PENGHANTARAN

Karya berserta Borang Penyertaan boleh dihantar secara atas talian atau melalui pos.

- i. Penghantaran secara atas talian:
E-mel: eseipm2021@arkib.gov.my

ATAU

- ii. Penghantaran melalui pos:

Seksyen Perancangan dan Pemuliharaan,
Memorial Tunku Abdul Rahman Putra,
Jalan Dato Onn, 50480,
Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur

Tarikh Tutup: 16 September 2021

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh terus kepada:-

Cik Khairunnasya binti Mohamed Shazali/
Cik Safianah binti Molepin/
Encik Muhammad Firdaus bin Saadi


Seksyen Perancangan dan Pemuliharaan,
Memorial Tunku Abdul Rahman Putra,
Jalan Dato Onn, 50480,
Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur

☎ 03-26947277 ✉ eseipm2021@arkib.gov.my

📘 Pertandingan Menulis Esei
Perdana Menteri 2021

PERTANDINGAN MENULIS ESEI SEJARAH MALAYSIA 2021

TOKOH PERDANA MENTERI MALAYSIA



ANJURAN BERSAMA:



Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

Encik Muhammed Firdaus Saadi
Cik Safianah Molepin
03-26947277